

NO SOALAN :48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN R. SIVARASA A/L K. RASIAH
(SUBANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.11.2017

Y.B. TUAN R. SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jenis pelaburan dan jumlah-jumlahnya yang akan dibuat oleh KWSP (EPF) dalam Amerika Syarikat yang telah dijanjikan oleh Perdana Menteri dalam lawatan beliau baru-baru ini ke negara itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, setiap cadangan pelaburan KWSP akan dikaji secara *deal by deal basis* (dengan izin) dan melalui proses penilaian pelaburan yang ketat, berdisiplin dan berhemah. Tiada perincian atau nilai-nilai pelaburan yang spesifik

bagi tujuan yang dinyatakan dan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Amerika Syarikat baru-baru ini adalah konsisten dengan strategi jangka panjang pelaburan KWSP untuk meningkatkan pelaburan luar negara terutamanya dalam kelas aset Hartanah dan Infrastruktur.

Pelaburan KWSP adalah berpandukan kepada Alokasi Aset Strategik (SAA) yang dirangka untuk mengoptimumkan pulangan jangka panjang pada julat risiko yang munasabah. KWSP juga telah melantik dan bekerjasama dengan perunding kewangan global yang mempunyai kredibiliti yang tinggi di dalam merangka SAA yang bersesuaian dengan profil risiko dan jangkaan pulangan KWSP. Ini adalah bertepatan dengan objektif pelaburan KWSP untuk melindungi dan menambah nilai simpanan ahli. Semakan ke atas SAA dibuat 3 tahun sekali bagi memastikannya ianya selaras dengan keadaan pasaran dan jangkaan pulangan pasaran modal domestik dan global.

Bagi sektor Hartanah dan Infrastruktur, SAA dibenarkan adalah sebanyak 10% dan setakat 30 Jun 2017, pendedahan sedia ada KWSP dalam sektor tersebut adalah pada kadar hanya 4%. Selain berperanan sebagai pelindung nilai terhadap inflasi, kelas aset Hartanah dan Infrastruktur turut menjana pulangan pelaburan yang

kompetitif dengan risiko lebih rendah berbanding Ekuiti dalam jangka masa sederhana dan jangka masa panjang. Meskipun telah mencatat kadar pulangan pelaburan [*Return on Investment (ROI)*] yang ketara sebanyak 8.8% dalam tempoh 3 tahun yang lalu, sumbangan pendapatan daripada kelas aset ini masih kecil disebabkan peratusan pelaburan yang masih lagi rendah berbanding peruntukan SAA yang dibenarkan. Oleh yang demikian, KWSP sentiasa mencari peluang pelaburan berkualiti dan menepati garis panduan pelaburan serta profil risiko dan jangkaan pulangan KWSP sebagai sebuah dana simpanan persaraan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2017 (SELASA)

SOALAN : 49

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan perpindahan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu seperti dicadangkan oleh MAVCOM secara terperinci dengan butiran kos anggaran, lokasi pilihan dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada ketika ini, *Sabah Economic Development and Investment Authority* (SEDA) sedang menjalankan Kajian Pelan Induk untuk Hub Penerbangan Dan Logistik Fret Udara di Sabah.

Kajian ini akan mengkaji beberapa opsyen sama ada menaiktaraf LTAKK sedia ada atau memindahkan LTAKK ke lokasi baru. Namun demikian, kajian ini masih berjalan dan belum lagi dimuktamadkan.

Kementerian ini akan meneliti cadangan kajian setelah ianya dimuktamad dan dikemukakan oleh SEDIA.